

# ***Seperti Sejalur Pelangi: Pemaparan Konflik Remaja Menuju Kecemerlangan***

Oleh

Misran Rokimin (Dr. Fal.)  
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor Darul Ehsan

## **Pendahuluan**

Ramai sarjana berpendapat bahawa membaca karya sastera boleh membangunkan diri seseorang manusia sama ada dari segi personaliti atau pemikirannya (Pillar 1983, Shahnnon 1991, Teeuw 1984). Hal ini kerana karya sastera bukan sahaja merupakan imaginasi penulis untuk meluahkan perasaannya tetapi turut mengandungi banyak fakta dan pengajaran berguna serta memberi informasi tentang kehidupan manusia berhadapan dan berkonflik dengan manusia lain yang menjadi anggota masyarakat dalam situasi yang berbeza.

Sehubungan dengan itu, seperti yang dinyatakan oleh Henry Guntur Tarigan (1993), komplikasi dalam sesuatu cereka – cerpen atau novel - bertugas mengembangkan konflik. Watak utama biasanya menemui pelbagai gangguan dan halangan yang memisahkan serta menjauhkan dia dari tujuannya. Dia menemui salah faham dalam perjuangan menumpaskan penghalang dan gangguan tersebut. Justeru dalam komplikasi inilah para pembaca dapat mempelajari dan meneliti serta memahami jenis manusia yang bagaimanakah sebenarnya watak utama itu.

Justeru itu, tulisan ini akan berusaha menyorot sebuah novel remaja berjudul *Seperti Sejalur Pelangi* karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah. Novel ini begitu signifikan dianalisis memandangkan tujuan penulisan novel remaja adalah untuk mendidik. Sewaktu berhadapan dengan sebarang konflik, para remaja perlu bersikap positif dan memiliki kebijaksanaan (*wisdom*) untuk mengatasinya. Para remaja jangan mudah berputus asa lalu melampiaskan rasa kecewanya menerusi pelbagai saluran negatif. Fizani watak utama dalam novel ini boleh dijadikan contoh sebagai remaja yang tabah, tegas, berani dan tidak mudah putus asa meskipun berhadapan dengan konflik dalam keluarga.

Dalam menganalisis novel ini, penulis akan meneliti apakah gangguan atau halangan yang dihadapi oleh watak utama novel ini sehingga membawa kejayaannya dalam menjalani hidup. Halangan-halangan tersebut yang merupakan konflik antara watak dengan manusia lain, akan dikupas menggunakan teori konflik. Teori ini yang sering digunakan oleh ahli sosiologi bagi melihat peranan konflik dalam masyarakat akan digunakan sebagai kerangka untuk menganalisis novel tersebut.

### **Teori Konflik**

Konflik adalah pertentangan secara langsung dan sedar antara individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat bersama. Oleh yang demikian, unsur-unsur penting berkaitan proses konflik dalam kehidupan sosial termasuklah pertentangan, permusuhan, kekalahan dan kemenangan serta kuasa dan kepentingan (*interests*). Thomas Hobbes merupakan salah seorang pengkaji dan ahli falsafah dalam sejarah sains sosial Barat abad ke-17 yang mempelopori perbincangan mengenai unsur

konflik dalam perkembangan masyarakat. Malah beliau berpendapat bahawa manusia sentiasa berperang dan berkonflik di antara satu sama lain.

Pelopor-pelopor seterusnya seperti Karl Marx pada abad ke-18 mengatakan bahawa punca konflik ialah hubungan sosial dalam proses pengeluaran. Terdapat dua kumpulan manusia yang bertentangan dalam proses pengeluaran iaitu kumpulan pemilik sumber pengeluaran yang digelar 'borjuis' dan kumpulan pekerja atau buruh yang dinamakan 'proletariat'. Konflik berlaku kerana golongan borjuis mengeksploitasi para pekerja dengan memberi upah yang sedikit. Kesan daripada ketidakadilan sosial ini maka berlaku konflik antara dua golongan tersebut. Para sarjana berpendapat, konflik adalah fenomena sosial yang penting dan mempunyai fungsi yang positif untuk kestabilan sosial serta membantu menjaga sesuatu kumpulan secara kolektif (McLeish 1993). Dalam hal ini, Lewis Coser (1964) dalam tulisannya *Functions of Social Conflict* berpendapat, konflik bukan sahaja memainkan peranan untuk memecahbelahkan susunan sosial dalam masyarakat tetapi juga memelihara susunan sosial yang sedia ada. Justeru konflik adalah perkara normal yang tidak boleh dielakkan dan ia tidak semestinya memusnahkan tetapi turut berfungsi positif iaitu dapat mengujudkan harmoni dan integrasi sosial. Dengan kata lain, konflik tidak semestinya memecahbelahkan sistem sosial.

Walaupun teori ini merupakan teori konflik sosial, namun ia boleh dianggap relevan digunakan bagi menganalisis novel kerana novel itu sendiri merupakan gambaran masyarakat. Tambahan pula watak-watak yang terlibat di dalam sesebuah novel merupakan ahli masyarakat yang sering menghadapi konflik. Atas dasar tersebut, teori konflik digunakan untuk menganalisis watak utama iaitu Fizani.

## **Sinopsis – *Seperti Sejalur Pelangi***

Novel ini mengesahkan seorang watak utama bernama Fizani berumur 21 tahun mahasiswa tahun 2 UKM. Beliau merupakan anak angkat keturunan Cina kepada sebuah keluarga guru bernama Haji Mohamad dan Hajah Amirah. Keluarga ini mempunyai anak kandung seramai enam orang iaitu Ilham, Shahira, Farini, Ariff, Aliff dan Rahmat. Malang tidak diduga apabila pada suatu hari ibu bapa mereka meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya sewaktu dalam perjalanan menuju ke Pulau Langkawi untuk bercuti. Sebagai anak yang tua Fizani terpaksa menanggungkan pengajiannya di UKM untuk memberi tumpuan menjaga adik-adik yang masih bersekolah. Sebagai anak angkat, Fizani amat dicemburui oleh ibu dan bapa saudara: Mak Long Bedah dan Pak Su Amit dan isterinya Mak Su Amie. Mereka khawatir Fizani akan membolot segala harta peninggalan arwah bapanya. Hanya Pak Ngah Sof yang kuat membelanya dan sentiasa memberi nasihat dan semangat kepada Fizani. Bermula daripada peristiwa kematian itulah berlakunya berbagai konflik yang dihadapi oleh Fizani. Pada akhir cerita, Fizani telah diperkenalkan dengan ayah kandungnya seorang hartawan Cina yang menetap di Australia dan memeluk Islam kerana berkahwin dengan gadis Melayu. Nama Islamnya Haji Muhammad. Pemergiannya ke Australia itu pun disebabkan keluarganya tidak menerimanya dan Fizani ditempatkan di rumah kebajikan. Pada usia satu tahun lagi ia diambil oleh Haji Mohamad. Daripada pertemuan itu juga wang misteri berjumlah lebih empat ratus ribu ringgit yang dianggap oleh ibu dan bapa saudaranya milik ayah angkatnya yang mereka anggap dibolot oleh Fizani telah diketahui. Wang tersebut adalah wang kiriman ayah kandungnya yang disimpan di dalam bank. Setelah melalui berbagai

konflik akhirnya Fizani dikahwinkan dengan Farisham, kawan yang banyak membantunya ketika dalam kesusahan.

### **Penerapan Teori Konflik Dalam *Seperti Sejalur Pelangi***

Membaca novel ini, unsur didaktiknya dapat dikesan dengan jelas. Namun unsur didaktiknya disampaikan secara halus untuk difikirkan oleh pembaca. Halis Azhan yang merupakan seorang guru, tidak dapat lari daripada tanggungjawabnya untuk menerapkan pengajaran dan pendidikan menerusi novelnya. Beliau menulis berlandaskan pengalaman, pengetahuan dan pergaulan berterusan dengan anak muridnya. Latar cerita yang berlaku di universiti, sekolah dan padang permainan terutama permainan *Softball* – yang merupakan permainan kegemarannya - merupakan ruang yang sering dikitarinya.

Satu demi satu konflik yang dibina oleh pengarang dapat dilalui dan diselesaikan oleh watak utama novel ini, Fizani dengan bijaksana dan tidak terasa seperti dibuat-buat. Hal ini merupakan cara penyampaian didikan yang berkesan kepada pembaca agar dapat mengambil iktibar daripada segala peristiwa yang dilalui oleh Fizani. Kesabaran Fizani menghadapi konflik merupakan lambang kekuatan diri dan jati diri seseorang yang akhirnya watak yang berprinsip begini mendapat kejayaan dalam hidupnya. Dengan terbinanya watak Fizani yang kuat, berani, tegas, bersifat lemah lembut, penyayang dan menghormati orang tua ini, pengarang telah memberi asas yang meyakinkan. Antaranya ialah pertama, watak tersebut mendapat asuhan yang baik daripada kedua-dua ibu bapa angkatnya dengan penuh kasih sayang. Kedua, pendidikannya di universiti meluaskan horizon pemikirannya dan ketiga,

keaktifannya dalam aktiviti sukan menyebabkan dia bersedia menghadapi cabaran serta sanggup menerima keputusan sama ada menang atau kalah. Ketiga-tiga unsur itu membina diri Fizani menjadi manusia yang cekal.

Sebagaimana yang telah dijelaskan, dalam kebanyakan cereka, sekurang-kurangnya terdapat satu perjuangan, pertentangan atau konflik yang menggambarkan watak utama berjuang bermati-matian untuk mengatasi segala kesukaran demi tercapai tujuannya. Konflik merupakan bahagian penting dalam plot cerita. Antara konflik yang berlaku adalah konflik jasmaniah antara manusia dengan manusia, manusia dengan masyarakat dan manusia dengan alam sekitar. Sementara konflik batiniah pula melibatkan pertentangan antara idea dengan idea lain dan seseorang dengan kata hatinya (Tarigan 1993).

Dalam novel seperti *Sejalur Pelangi*, konflik yang dibina oleh pengarang bermula daripada kematian kedua-dua ibu bapanya. Konflik yang dilalui boleh digambarkan seperti berikut:

| <b>Watak Utama</b> | <b>Konflik</b>                       |
|--------------------|--------------------------------------|
| F                  | Konflik dengan pengajiannya di UKM   |
| I                  | Konflik dengan adik-adik             |
| Z                  |                                      |
| A                  | Konflik dengan ibu dan bapa saudara  |
| N                  |                                      |
| I                  | Konflik dengan teman lelaki – Daniel |

## **Konflik Fizani dengan Pengajian di UKM**

Situasi ini merupakan konflik pertama yang dihadapi oleh Fizani setelah kematian ibu bapa angkatnya. Fizani menghadapi dilema sama ada mahu meneruskan pengajian atau berhenti sahaja. Ketika itu Fizani baru berada dalam tahun 2 pengajian sebagai mahasiswa UKM. Suasana hidup di kampus, keriang bergaul dengan ramai kawan, kesibukan menghadapi pengkuliahan dan keaktifan dalam aktiviti ko-kurikulum merupakan satu pengalaman yang amat menyeronokkan. Sebagai anak gadis yang rupawan, berperwatakan penyayang dan lemah lembut, Fizani menjadi tumpuan ramai jejaka kampus. Selain itu, dia juga mempunyai teman rapat seperti Norzana yang sering mengambil berat terhadap dirinya – amat membahagiakan bagi seorang remaja.

Secara tiba-tiba segala kebahagiaan itu direnggut dengan kematian ibu bapanya. Ketika itu banyak perkara yang mencemaskan muncul dalam kotak fikiran Fizani. Perasaannya menjadi terganggu, tambahan pula dia hanya merupakan anak angkat. Timbul pelbagai persoalan seperti siapa yang akan menjaga adik-adik kerana dia masih belajar? Bagaimana pengajiannya sendiri? Siapa yang akan menjaga segala harta peninggalan ibu dan bapanya?

Persoalan-persoalan yang timbul membuatkan Fizani sukar untuk membuat keputusan. Sampai ke suatu tahap yang amat mendesak, dia mahu berhenti sahaja daripada pengajiannya. Dalam keadaan fikirannya yang buntu itu, muncul Pak Ngah Sof – ayah saudaranya yang baik dengannya menyelamatkan keadaan. Sebagai seorang pensyarah di Universiti Putera Malaysia, dia menasihati Fizani agar jangan berhenti, tetapi mohon menangguhkan pengajian. Katanya:

Fizani tak perlu sampai ke tahap berhenti belajar. Pak Ngah rasa, Fiza kena jumpa Dekan dulu minta nasihat untuk tangguhkan pengajian. Fiza beri tau dia, Fiza belum dapat belajar dengan sepenuh hati seperti sebelum ini.

(Halis Azhan Mohd. Hanafiah 2004: 79)

Pandangan yang diberikan oleh Pak Ngah Sof, memberikan harapan kepada Fizani bahawa dia masih berpeluang meneruskan pengajian setelah segala masalah keluarga dapat diselesaikan. Konflik ini lebih bersifat batiniyah yang bergolak dalam dirinya - sama ada untuk memenuhi tuntutan peribadi atau tanggungjawab kepada adik-adik. Sebagai anak yang dididik oleh kedua-dua orang tuanya dengan penuh kasih sayang, jiwa lembutnya terpaksa beralah. Beliau meletakkan kepentingan adik-adiknya terlebih dahulu daripada kepentingan dirinya sendiri.

### **Konflik Fizani dengan Adik-Adik**

Daripada enam orang adik-adik Fizani, hanya dua orang sahaja yang memberikan masalah kepadanya iaitu Ilham dan Shahira. Adik-adiknya yang lain seperti Farini, Ariff, Aliff dan Rahmat yang masih kecil tidak menimbulkan banyak kerendah. Ilham dan Shahira seperti menyalahkan Fizani yang menyebabkan kematian ibu bapa mereka. Hal ini kerana Fizani yang mencadangkan agar ibu bapa mereka bercuti di Langkawi. Bagi mereka berdua, kalau ibu bapa mereka tidak ke Langkawi mereka pasti masih selamat. Mereka tidak dapat menerima hakikat bahawa ajal dan maut terletak di tangan Tuhan.

Akibat daripada peristiwa tersebut, hubungan Fizani dengan Ilham dan Shahira menjadi tegang. Ilham dan Shahira mengambil keputusan untuk tinggal



bersama ibu saudara mereka Mak Long Bedah dan bersekolah di kampung. Tinggal bersama Mak Long Bedah membuka peluang kepada Mak Long Bedah untuk menghasut mereka. Ilham dan Shahira sentiasa dihasut agar meminta wang pencen dan harta peninggalan arwah ibu bapa mereka. Tambahan pula Fizani yang merupakan anak angkat tidak berhak membolot harta tersebut. Hanya Ilham dan Shahira serta adik-adik mereka yang lain yang berhak memiliki harta dan wang simpanan peninggalan ayah dan ibu mereka. Kesan daripada menerima hasutan tersebut, Ilham dan Shahira telah berani berlaku kurang sopan kepada kakaknya.

Ilham dan Shahira juga menerima hasutan daripada ayah saudara mereka Pak Su Amit. Bergaul dengan Pak Su Amit, Ilham telah mula menghisap rokok dan membeli nombor ekor. Tujuan Pak Su Amit berbuat demikian adalah agar Ilham terus mendesak untuk mendapatkan wang daripada Fizani. Sementara Shahira pula tidak mahu bersemuka dan bertegur sapa dengan Fizani. Dia tetap berkeras bahawa kematian ibu bapanya adalah disebabkan oleh Fizani.

Sebagai kakak, Fizani menghadapi konflik tersebut dengan bijaksana. Di sinilah kematangan pengarang menyelesaikan konflik tersebut. Pengarang membina satu suasana mendidik bagi memulihkan kembali hubungan persaudaraan antara Ilham dan Shahira dengan Fizani. Pertautan kembali hubungan antara Shahira dengan kakaknya berlaku apabila Shahira mengalami kecederaan pada kaki akibat terjatuh ketika menjalani latihan gimnastik. Akibatnya Shahira terpaksa ditahan di hospital beberapa hari. Kakinya terpaksa disimen dan berjalan dengan menggunakan tongkat. Semasa di hospital, Fizanilah yang menjaganya dengan baik. Apabila Shahira dibenarkan keluar dari hospital, Fizani mengurut kaki adiknya dan menjaga makan

minumnya dengan sempurna. Mak Long Bedah yang dianggap baik oleh Shahira tidak pernah datang melawatnya. Bermula daripada peristiwa itulah Shahira mula insaf bahawa kakak yang dibencinya selama ini berhati mulia dan pengasih. Kata-kata Shahira ini membayangkan perasaannya:

“Seha nak Tanya sebenarnya... mengapa kakak baik sangat dengan Seha? Bukan kakak tak tahu pun, sejak ayah dan ibu tak ada, Seha selalu sakitkan hati kakak. Seha kata macam-macam pada kakak dan Seha tak peduli langsung pada sebarang nasihat kakak,” cetus Shahira lambat-lambat dan penuh rasa bersalah.

(Halis Azhan Mohd. Hanafiah 2004: 210)

Di sini dapat dilihat bagaimana Shahira menjadi insaf bahawa kakaknya yang selama ini dianggap jahat, rupanya insan yang berhati baik dan penyayang. Bagi Fizani pula, masalah hubungannya dengan Shahira sudah dapat diselesaikan apabila Shahira telah mengaku kesilapannya.

Konflik dengan Ilham juga dapat diselesaikan dengan bijaksana. Bagi mengikat kembali hubungan persaudaraan, pengarang mencetuskan satu peristiwa yang amat menakutkan dalam kehidupan Ilham. Hal ini berlaku apabila Ilham ditangkap polis kerana dituduh melakukan pecah rumah. Polis menahannya kerana beg *Nike* kepunyaannya telah ditemui di tempat kejadian. Sebagai kakak, Fizani berusaha dengan bersusah payah untuk membebaskan Ilham daripada ditahan di dalam lokap. Fizani membuktikan dengan terperinci bahawa ketika kejadian itu berlaku, Ilham berada bersamanya. Sekarang barulah Ilham tahu bahawa beg *Nikenya* yang hilang sebenarnya telah diambil oleh Pak Su Amat. Akhirnya Pak Su Amat ditahan polis. Setelah polis yakin dengan penjelasan Fizani, Ilham dibebaskan.

Bermula daripada peristiwa tersebut, Ilham menjadi insaf dan menerima hakikat bahawa Fizani merupakan seorang kakak yang prihatin dan mengambil berat tentang adik-adiknya. Kalau diikutkan rasa marah, Fizani boleh membiarkan sahaja Ilham berada di dalam lokap. Perubahan sikap Ilham tersebut menggembirakan Fizani dan dia tidak keberatan membelikan sebuah motosikal untuk ilham setelah ilham berjaya meyakinkan kakaknya itu bahawa dia akan berhati-hati ketika menunggang motosikal tersebut. Petikan berikut menggambarkan kebahagiaan Fizani kerana semua adik-adiknya telah mendengar kata:

Setidak-tidaknya sekarang mereka tujuh beradik sudah mula sehati semula. Ilham dan Shahira semakin akur mereka sudah memiliki teraju keluarga yang baru. Farini, Ariff dan Aliff sudah lama menerima hakikat itu. Rahmat masih kecil, mudah dilentur, asal saja kena gaya. Sebagai adik bongsu dia disayangi semua. Mereka seperti pelangi, tidak indah tanpa mana-mana satu jalurnya.

(Halis Azhan Mohd. Hanafiah: 265).

### **Konflik Fizani dengan Ibu dan Bapa Saudara**

Fizani mempunyai beberapa orang ibu dan bapa saudara seperti Mak Long Bedah, Pak Ngah Sof dan Pak Su Amit serta isterinya, Mak Su Amie. Di antara mereka, hanya Pak Ngah Sof yang baik dan memahami perasaannya. Pak Ngah Sof merupakan lulusan Doktor Falsafah dari sebuah universiti di England dan menjadi pensyarah di Universiti Putra Malaysia. Sebagai orang terpelajar, dia sering memberi nasihat kepada Fizani malah menjadi tempat rujukan ayahnya ketika masih hidup.

Mak Long Bedah dan Pak Su Amit pula begitu membenci Fizari sejak sekian lama. Kebencian mereka semakin bertambah apabila ayah dan ibu Fizani meninggal

dunia. Kebencian ini disebabkan Fizani hanya merupakan anak angkat dan mereka begitu cemburu dengan harta peninggalan arwah ibu bapanya yang akan dibolot oleh Fizani seorang. Mereka menjadi batu api menghasut adik-adik Fizani terutama Ilham dan Shahira. Akibat termakan hasutan Mak Long Bedah dan Pak Su Amit hubungan Fizani dengan Ilham dan Shahira menjadi tegang.

Konflik Fizani dengan Mak Long Bedah dan Pak Su Amit berjaya dihadapi oleh Fizani dengan tegas dan cekal. Namun hal ini tidak bermakna Fizani tidak menghormati mereka sebagai ibu dan bapa saudaranya. Bagaimanapun sikap Mak Long Bedah dan Pak Su Amit telah merosakkan hubungan Fizani dengan adik-beradiknya yang lain, menyebabkan dia terpaksa mengambil tindakan tegas. Fizani menolak cadangan Mak Long Bedah agar menerima pembantu rumah yang dibawanya dari kampung bernama Munirah. Mak Long Bedah mempunyai muslihat di sebalik cadangan tersebut iaitu supaya Fizani tidak bertindak sesuka hati ke atas adik-adiknya. Fizani memberi alasan bahawa dia boleh menjaga adik-adiknya kerana dia telah menangguhkan pengajiannya di universiti.

Dalam menghadapi konflik dengan Pak Su Amit pula Fizani telah meminta bapa saudara dan isterinya berpindah ke rumah lain kepunyaan ayahnya tanpa perlu membayar sewa. Pak Su Amit dan Mak Su Amie yang datang dari kampung menetap bersama Fizani di rumah banglo dengan alasan untuk mencari kerja. Namun sikap Pak Su Amit dan Mak Su Amie yang malas dan sentiasa menghasut adik-adiknya menjadikan Fizani tidak selesa mereka tinggal bersama. Setelah berpindah, perangai Pak Su Amit semakin buruk dengan melakukan pelbagai jenayah seperti mencuri, pecah rumah dan sebagainya. Dia akhirnya ditangkap polis dan dipenjarakan.

Dengan ketiadaan Mak Long Bedah dan terpenjaranya Pak Su Amit, kehidupan Fizani bersama adik-adiknya menjadi aman dan tenteram. Ketegasan Fizani berhadapan dengan ibu dan bapa saudaranya yang cuba merosakkan hubungannya dengan adik-beradik yang lain telah membolehkan dia menyelesaikan konflik dengan mereka.

### **Konflik Fizani dengan Teman Lelaki – Daniel**

Dalam suasana kalut yang sedang dihadapi oleh Fizani, secara tiba-tiba muncul Daniel iaitu kekasihnya sejak di bangku sekolah dahulu yang pulang dari luar negara kerana bercuti. Fizani dan Daniel, anak seorang Tan Sri, berkawan rapat sejak di bangku sekolah lagi. Apabila tamat sekolah menengah, Daniel menyambung pelajaran ke luar negara sementara Fizani belajar di UKM. Hubungan mereka menjadi dingin apabila Fizani mendapat tahu Daniel telah bertunang dengan Sara, anak seorang Datuk dan tokoh korporat.

Kalau kau jadi aku pun kau tak suka jadi pilihan kedua kan? Daniel dah bertunang Zana. Nama gadis tu Sara. Anak Datuk, tokoh korporat, setaraf dengan Daniel, cantik pula. Dua bulan lalu ... mungkin tiga bulan, aku rasa... Sara datang jumpa aku dan minta aku jauhkan diri daripada Daniel. Dia minta dengan baik, sungguh-sungguh, dan aku hormat dengan cara dia cuba selesaikan perkara ini." Beri tau Fizani.

(Halis Azhan Mohd. Hanafiah 2004: 64)

Fizani sedih dengan berita itu namun sebagai manusia yang cekal dan tabah, dia menghadapinya dengan tenang. Ketegasannya tergambar apabila dia terus menolak bujukan Daniel untuk menjadikannya isteri kedua. Daniel yang pulang bercuti meluahkan hasrat tersebut namun Fizani tetap dengan prinsipnya dan bertegas:

“Mustahil, Daniel. Tak mungkin you boleh dapat semua. *I’ve made up my mind*. Kita tak mungkin ada hubungan yang lebih baik daripada kawan dan kawan. Terus terang kita tak boleh jadi kekasih dan kekasih lagi. You dah jadi suami orang dan I sangat percaya isteri you itu pilihan yang amat sesuai Daniel”.

(Halis Azhan Mohd. Hanafiah 2004: 219)

Ketegasan Fizani menghadapi suasana putus cinta menggambarkan dia seorang manusia yang tabah dan tindakan yang dilakukannya itu adalah tepat. Sebagai wanita, dia tidak sanggup dimadu dan tidak mahu menghancurkan hati wanita lain iaitu Sara yang telah menjadi isteri Daniel yang sah. Fizani tahu muslihat Daniel bahawa perkahwinannya dengan Sara adalah kerana harta dan kekayaan yang dimiliki oleh keluarga Sara. Fizani tidak mahu perkara yang sama berlaku kepada dirinya - perkahwinan tidak dibina oleh rasa cinta.

Demikian beberapa urutan konflik yang dilalui oleh watak utama novel ini. Fizani berjuang dengan besungguh-sungguh menghadapi pelbagai dugaan bagi mencapai matlamat hidup, bukan sahaja untuk dirinya tetapi juga untuk enam orang adiknya yang lain. Pengarang menimbulkan beberapa konflik yang dihadapi oleh Fizani dengan tujuan untuk menggambarkan kepada pembaca bahawa konflik yang berlaku dalam diri manusia sebagai individu atau masyarakat tidak membawa kehancuran, malahan membawa kebahagiaan. Hal ini terbukti dengan kejayaan Fizani menyatukan semua adik-adiknya. Apabila dikaitkan dengan pandangan Lewis Coser benarlah bahawa konflik merupakan sesuatu yang normal yang tidak boleh dielakkan. Konflik tidak semestinya memusnahkan tetapi berfungsi positif iaitu dapat mewujudkan keharmonian hidup - dalam hal ini kehidupan Fizani dan adik-adiknya.

Perjuangan Fizani adalah untuk membahagiakan adik-adiknya, memastikan harta peninggalan orang tuanya terselamat dan dapat dinikmati bersama, serta mewujudkan suasana keluarga yang bahagia sama seperti sebelum kematian ibu bapanya. Hal ini menjadi matlamat Fizani dan ternyata dia berjaya walaupun dia hanya merupakan kakak angkat. Apa yang paling membahagiakan Fizani selanjutnya apabila dia dapat bertemu semula dengan ayahnya yang sebenar setelah berpisah hampir 21 tahun.

*Seperti Sejalur Pelangi* merupakan metafora dalam kehidupan keluarga Fizani yang berusaha bersungguh-sungguh menyatukan kesemua adik-adiknya untuk hidup di bawah satu bumbung. Usaha ini terbina dengan rasa kasih sayang dan bantu-membantu dalam membentuk sebuah keluarga yang harmoni sebagaimana yang telah diasaskan oleh ibu bapanya. Sesungguhnya sejalur pelangi yang jalurnya berwarna-warni amat sukar untuk ditemui. Pelangi hanya muncul selepas hujan reda dan kemunculannya amat indah dipandang. Hal inilah yang cuba digambarkan oleh novel ini - kesukaran Fizani mencari keindahan sebuah rumah tangga yang harmoni setelah kematian ibu bapa sehingga terpaksa melalui pelbagai rintangan.

Novel ini banyak memberi pengajaran berguna kepada pembaca remaja agar tidak kecewa apabila menghadapi konflik dalam hidup. Hal ini kerana setiap konflik yang menimpa jika dihadapi dengan fikiran yang tenang, sabar dan berani akhirnya akan mendapat kejayaan seperti yang digambarkan menerusi watak Fizani. Apa yang jelas, tujuan pengarang melampiaskan pemikirannya adalah untuk tujuan mendidik remaja.

Banyak unsur-unsur nilai murni terpancar melalui novel ini seperti sifat penyayang, berbudi bahasa, sabar, hormat-menghormati dan dalam waktu yang sama bersifat tegas, berprinsip dan bertanggungjawab yang dapat membangunkan personaliti pembaca. Pendidikan KOMSAS di sekolah memerlukan teks novel seperti ini kerana mempunyai nilai pendidikan yang tinggi. Memetik kata-kata Riris K. Toha-Sarumpaet (2002), “mengingat karya sastra yang selain dapat memperhalus budi dan mendewasakan manusia, juga mampu membangkitkan imaginasi, dan karena ketersediaan manusia yang disampaikan dengan khas, mampu menggugah rasa dan pemikiran. Pengalaman berfikir inilah yang sangat diperlukan semua siswa dalam pertumbuhannya menjadi manusia yang utuh”. Justeru pendidikan melalui sastera sebenarnya dapat membangunkan kemanusiaan dan melahirkan masyarakat yang baik dan harmoni.

## **Kesimpulan**

Pendidikan menerusi kesusasteraan amat wajar dimartabatkan. Oleh itu, novel yang boleh dijadikan alat untuk mendidik para remaja perlu dipilih dengan teliti sebagai bacaan mereka. Tambahan pula pada ketika ini pihak pemerintah begitu serius menerapkan elemen pendidikan menerusi kesusasteraan sama ada di sekolah atau di institusi seperti Pusat Latihan Khidmat Negara. Oleh yang demikian, menghidangkan hasil karya yang baik diharapkan dapat membina pemikiran yang baik di kalangan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan.



## Rujukan

- Coser, L.A. 1964. The Functions of Social Conflict. Dalam *Sociological Theory: A Book of Readings*. Coser & Rosenberg (eds.) New York: The Macmillan Company.
- Halis Azhan Mohd. Hanafiah. 2004. *Seperti sejalur pelangi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Henry Guntur Tarigan. 1993. *Prinsip-prinsip dasar sastra*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Mcleish, K. 1993. *Guide to human thought: ideas that shaped the world*. London: Bloomsbury Publishing Ltd.
- Pillar, A.M. 1983. Aspect of moral judgement in response to fable. *Journal of Research and Development in Education*, 10 (3): 39 – 46.
- Riris K. Toha-Sarumpaet. 2002. *Sastra masuk sekolah*. Magelang: Indonesiatara.
- Shahnon Ahmad. 1991. *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw, A. 1984. *Sastera dan ilmu sastera: pengantar teori sastera*. Jakarta: Pustaka Jaya.